

Amos menang kerusi Umum MPP

► Perolehi 1,285 undi, tewaskan empat calon pada Pilihan Raya Kampus

UB 9.11.2014 B3

PELAJAR Tahun Tiga, Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Amos Peter memenangi kerusi Umum Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Beliau memperolehi 1,285 undi selepas menewaskan empat lagi calon pada Pilihan Raya Kampus

(PRK) yang diadakan di Bilik Sri Menanti, Bangunan Menara, UMSKAL, pada Jumaat.

Calon kedua tertinggi dimenangi pelajar Tahun Tiga Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Eka Fadilah

Mohd Lampa yang mendapat 925 undi.

Dua lagi calon

ialah Mohd Syahidiyanto Sukiman, pelajar Tahun Tiga FKAL dengan 560 undi dan Wan Nor Rozila Wan Mat Ron, pelajar Tahun Dua FKI yang memperolehi 270 undi.

Sementara itu, bagi kerusi FKAL dimenangi Lee Dia Zhe yang mendapat 635 undi dan Mohd Anas Mentoh 616 undi.

Tiga lagi calon ialah Thinakaran A/L Suppiah

(532), Muhamad Ashraff Nazrin Noor Azman (345) dan Nurul Aqilah Mohamad Zainuzi (234).

Ezra John Anthony pula memenangi kerusi FKI dengan 264 undi manakala Cherril Michell Henry mendapat 70 undi.

Keputusan PRK itu diumumkan oleh Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik di ruang legar Bangunan




MURNIZAM (tiga kiri) bersama Amos (tiga kanan) dan Eka Fadilah (dua kanan) selepas pengumuman Pilihan Raya Kampus UMSKAL 2014.

Menara UMSKAL selepas peti undi ditutup pada pukul 4.30 petang. Turut hadir Timbalan Pengarah, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Mas Adi

Alimin. Murnizam mengucapkan tahniah kepada calon yang memenangi kerusi Umum, FKAL dan FKI dan berharap mereka memperjuangkan hak-hak semua pelajar untuk manfaat

dan kebaikan universiti secara keseluruhannya. Beliau tidak lupa merakamkan ucapan penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa (AJK) yang mengendalikan PRK pada kali ini.



AMOS PETER.



MURNIZAM (empat kanan) bersama calon Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan,